A

YB Dato' Dr Hasan bin Mohamed Ali lwn YB Mulia Tengku Putra bin Tengku Awang dan lain-lain

B MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — GUAMAN SIVIL NO MT1–21–40 TAHUN 2004
NORAINI ABDUL RAHMAN PK
5 OCTOBER 2009

C *Tort — Fitnah — Ganti rugi — Elemen-elemen yang perlu dibuktikan — Sama ada ganti rugi yang dituntut keterlaluan — Sama ada terdapat keterangan mengenai ganti rugi yang dipohon*

D *Tort — Fitnah — Libel — Ucapan disiarkan secara langsung melalui Radio Televisyen Malaysia — Sama ada mengandungi kata-kata fitnah — Sama ada memalukan dan mengaibkan plaintif — Sama ada elemen-elemen fitnah dibuktikan*

E *Tort — Fitnah — Pembelaan — Perlindungan bersyarat — Elemen yang perlu dibuktikan — Ucapan disiarkan secara langsung melalui Radio Televisyen Malaysia — Sama ada mengandungi kata-kata fitnah — Sama ada ucapan disunting — Sama ada terdapat unsur niat jahat — Sama ada pembelaan perlindungan bersyarat berjaya*

F

G Pada 17 Julai 2003, UMNO Bahagian Hulu Terengganu telah menganjurkan Majlis Pelancaran Gelombang Biru ('majlis'). Tetamu kehormat majlis tersebut adalah Timbalan Perdana Menteri ('TPM'). Defendan pertama memberi kata-kata aluan di majlis tersebut dan telah mengeluarkan kata-kata berikut: '… syarikat-syarikat kerajaan yang berpotensi dijual kepada kroni-kroni dan sahabat-sahabat mereka termasuk Taman Pertanian Negeri di Sekayu tuan-tuan dan puan-puan diberi kepada Dato' Hasan Ali, Naib Presiden PAS …'. Defendan kedua telah membuat liputan secara siaran langsung segmen pelancaran majlis tersebut. Plaintif memfailkan tindakan ini terhadap defendan-defendan kerana dengan sengaja dan dengan secara salah dan niat yang jahat memfitnah plaintif dan juga menyiar secara langsung majlis itu melalui Radio Televisyen Malaysia. Plaintif memohon, antara lain, ganti rugi sebanyak RM20,000,000 daripada defendan pertama serta RM40,000,000 daripada defendan kedua dan ketiga. Defendan-defendan kedua dan ketiga telah memplidkan pembelaan perlindungan bersyarat kerana siaran langsung majlis tersebut dibuat atas dasar kepentingan awam.

H

I

Diputuskan, membenarkan permohonan dan sebahagian permohonan untuk ganti rugi: A

(1) Untuk menuntut pampasan bagi kes fitnah ini, beban pembuktian adalah pada plaintif untuk membuktikan elemen-elemen berikut: (i) kata-kata yang dituturkan oleh defendan pertama adalah berbentuk fitnah; (ii) kata-kata merujuk kepada plaintif; dan (iii) kata-kata tersebut telah disampaikan kepada pihak ketiga (lihat perenggan 5(a), (b) & (c)). B

(2) Kata-kata yang terkandung dalam ucapan defendan pertama merujuk kepada plaintif kerana nama plaintif disebut oleh defendan pertama sebagai Dato' Hasan Ali, Naib Presiden PAS. Jika dibaca secara keseluruhan perenggan yang berkenaan itu, ia membawa maksud bahawa plaintif diberi Taman Pertanian Negeri, Sekayu secara tidak jujur dan oleh itu boleh membawa makna negatif terhadap plaintif dan boleh memalukan dan mengaibkan beliau. Perkataan yang dikatakan fitnah itu diucap semasa siaran langsung majlis oleh defendan kedua. Maka, kata-kata tersebut telah disampaikan kepada pihak ketiga iaitu kepada hadirin yang hadir di majlis itu dan juga penonton-penonton yang menonton siaran langsung majlis tersebut melalui Radio Televisyen Malaysia. Oleh itu, terdapat kata-kata fitnah yang diucapkan oleh defendan pertama terhadap plaintif yang membuat plaintif menanggung rasa malu dan aib (lihat perenggan 6–9). C D E

(3) Tiga elemen perlu dibuktikan oleh defendan kedua dan ketiga bagi tujuan pembelaan perlindungan bersyarat, iaitu: (i) 'The occasion must be fit'. Defendan kedua membuat liputan siaran langsung segmen pelancaran majlis tersebut kerana ianya dihadiri oleh TPM. Ini adalah sesuatu acara yang menepati 'the occasion is fit'; (ii) 'The matter must have reference to the occasion'. Defendan pertama ditugaskan untuk menyampaikan ucapan aluan untuk menyambut kedatangan TPM. Defendan kedua bertanggungjawab menyiarkan perkara-perkara yang ada nilai berita dan informasi kepada rakyat; dan (iii) 'It must be published for right and honest motives'. Defendan kedua adalah saluran media nasional yang dipertanggungjawab untuk menyampaikan perkara-perkara yang mempunyai nilai berita kepada rakyat dan rakyat mempunyai kepentingan untuk mengetahui berita itu. Defendan kedua tidak bertanggungjawab atau mempunyai kawalan ke atas perjalanan majlis tersebut. Lagi pun, ianya adalah satu siaran langsung di mana defendan kedua tidak mengetahui terlebih dahulu teks ucapan yang dikatakan fitnah itu. Tiada masa bagi defendan kedua untuk menyunting ucapan defendan pertama. Maka, tiada unsur niat jahat oleh defendan kedua dan ketiga terhadap plaintif. Defendan kedua dan ketiga berjaya dalam pembelaan perlindungan bersyarat (lihat perenggan 11(a), (b), (c) & 12). F G H I

(4) Ganti rugi yang dituntut oleh plaintif adalah keterlaluan. Plaintif juga tidak memberi apa-apa keterangan berkenaan dengan ganti rugi yang dipohon. Plaintif pada masa itu adalah seorang Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Gombak Setia dan seorang EXCO bagi kerajaan negeri. Kata-kata fitnah itu tidak menjejaskan imej plaintif. Sebaliknya, plaintif sekarang berkeadaan lebih baik dari dahulu. Lagi pun perkataan fitnah itu diucapkan hanya sekali oleh defendan pertama dan juga disiarkan secara langsung hanya sekali oleh defendan kedua. Tiada bukti yang mengatakan ada siaran ulangan atau ulang tayang majlis itu. Maka, plaintif diawardkan ganti rugi sebanyak RM50,000 terhadap defendan pertama. Defendan pertama juga dilarang menerbitkan atau mengeluarkan perkataan-perkataan fitnah yang sama pada masa hadapan (lihat perenggan 15 & 17–19).

[English summary

On 17 July 2003, the Hulu Terengganu UMNO Division organised the Gelombang Biru Launch Ceremony ('the event'). The special guest of the event was the Deputy Prime Minister ('DPM'). The first defendant delivered an opening speech at the event and uttered the following words: '… syarikat-syarikat kerajaan yang berpotensi dijual kepada kroni-kroni dan sahabat-sahabat mereka termasuk Taman Pertanian Negeri di Sekayu tuan-tuan dan puan-puan diberi kepada Dato' Hasan Ali, Naib Presiden PAS …'. The second defendant did a live telecast of the launching ceremony of the event. The plaintiff filed the present action against the defendants for deliberately and for falsely and maliciously defaming the plaintiff and also for the live telecast of the event via Radio Televisyen Malaysia. The plaintiff sought, inter alia, damages amounting to RM20,000,000 from the first defendant and RM40,000,000 from the second and third defendants. The second and third defendants pleaded defence of qualified privilege as the live telecast of the event was aired on the basis of public interest.

Held, allowing the application and application for damages in part:

(1) In order to claim for compensation in defamation, the burden of proof was on the plaintiff to establish the following elements, that: (i) the words uttered by the first defendant was defamatory; (ii) the words made reference to the plaintiff; and (iii) the words were conveyed to a third party (see para 5(a), (b) & (c)).

(2) The words contained in the first defendant's speech made reference to the plaintiff as the plaintiff's name was stated by the first defendant as Dato' Hasan Ali, the Deputy President of PAS. If the relevant paragraph was read as a whole, it carried the meaning that the plaintiff was given

the Taman Pertanian Negeri, Sekayu dishonestly and thus could bring a negative perception against the plaintiff and it could also embarrass and disgrace him. The alleged defamatory words were uttered at the live telecast event by the second defendant. Therefore, the words were conveyed to a third party ie the guests at the event and also the viewers watching the live telecast of the event via Radio Televisyen Malaysia. Therefore, there was defamation by the first defendant against the plaintiff which caused the plaintiff embarassment and disgrace (see paras 6–9).

(3) Three elements need to be proven by the second and third defendants for the purposes of the defence of qualified privilege, ie: (i) 'The occasion must be fit'; (ii) 'The matter must have reference to the occasion'. The first defendant was tasked to deliver the opening speech to greet the arrival of the DPM. The second defendant was responsible for telecasting the matters which were assessed as news and information to the public; and (iii) 'It must be published for right and honest motives'. The second defendant was the national media channel responsible for the delivery of newsworthy items to the public and the public has an interest to be informed of such news. The second defendant was neither responsible nor had control over the event. In any event, it was a live telecast where the second defendant had no knowledge of the contents of the speech which was alleged to be defamatory. There was no time for the second defendant to edit the speech of the first defendant. Thus, there was no malice on the part of the second and third defendants against the plaintiff. The second and third defendants were successful in their defence of qualified privilege (see paras 11(a), (b), (c) & 12).

(4) The damages claimed by the plaintiff were excessive. The plaintiff also did not produce any evidence with regards to the damages claimed. The plaintiff at that time was a member of the State Legislative Assembly for Gombak Setia and a state government EXCO member. The defamatory words did not affect the plaintiff's reputation. Instead, the plaintiff is now in a better position than before. Moreover, the defamatory words were uttered only once by the first defendant and was aired only once by the second defendant. There was no evidence to state that there was a replay of the event. Thus the plaintiff was awarded damages of RM50,000 against the first defendant. The first defendant was also barred from producing or uttering the same defamatory words in future (see paras 15 & 17–19).]

Nota-nota

Untuk kes–kes mengenai ganti rugi, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 287–300.

A Untuk kes–kes mengenai libel, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 369–527.
Untuk kes–kes mengenai pembelaan terhadap fitnah, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 308–319.

B **Kes-kes yang dirujuk**

Adam v Ward [1917] AC 309, HL (dirujuk)
Ayob bin Saud v TS Sambanthamurthi [1989] 1 MLJ 315; [1989] 1 CLJ (Rep) 321, MT (dirujuk)
Chin Choon @ Chin Tee Fut v Chua Jui Meng [2005] 3 MLJ 494, MR (diikut)
C *Dato' Musa Hitam v SH Alattas & Ors* [1991] 1 CLJ 314, MT (diikut)
Dr Jenni Ibrahim v S Pakianathan [1986] 2 MLJ 154, MT (dirujuk)
Henry Ong Keng Sem v Patrick Ong King Kok [2008] 7 MLJ 569; [2008] 4 CLJ 276, MT (dirujuk)
Ismail bin Shamsudin v Abdul Aziz bin Abdan and other suits [2007] 3 MLJ
D 512; [2007] 8 CLJ 65, MT (dirujuk)
Karpal Singh a/l Ram Singh v DP Vijandran [2001] 4 MLJ 161, MR (diikut)
Kian Lup Construction v Hongkong Bank Malaysia Bhd [2002] 7 MLJ 283; [2002] 7 CLJ 32, MT (dirujuk)
Liew Yew Tiam & Ors v Cheah Cheng Hoc & Ors [2001] 2 CLJ 385, MR
E (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 s 2(b)

F *Fazaruddin Sujairi bin Md Radzi (Mohd Naim bin Yusoff bersamanya) (Fazaruddin & Co) bagi pihak plaintif.*
Defendan pertama tidak diwakili.
Narkunavathy Sundareson (Natrah Mazman bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak defendan-defendan kedua dan ketiga.
G

Noraini Abdul Rahman PK:

FAKTA

H **[1]** Pada 17 Julai 2003, UMNO Bahagian Hulu Terengganu telah menganjurkan Majlis Pelancaran Gelombang Biru. Tetamu kehormat majlis tersebut adalah Timbalan Perdana Menteri. Defendan pertama memberi kata-kata aluan di majlis tersebut dan telah mengeluarkan kata-kata berikut:

I
> Tuan-tuan dan puan-puan, begitu juga mengurniakan hasil-hasil negeri kepada kroni-kroni mereka, yang paling kita sedih tuan-tuan dan puan-puan syarikat-syarikat kerajaan yang berpotensi dijual kepada kroni-kroni dan sahabat-sahabat mereka termasuk Taman Pertanian Negeri di Sekayu tuan-tuan dan puan-puan diberi kepada Dato' Hasan Ali, Naib Presiden PAS.

Defendan kedua telah ditugaskan untuk membuat liputan secara siaran langsung segmen pelancaran majlis tersebut bermula dari ketibaan Timbalan Perdana Menteri.

[2] Plaintif kemudiannya memfailkan tindakan saman ini terhadap defendan-defendan kerana dengan sengaja dan dengan secara salah dan niat yang jahat (falsely and maliciously) memfitnah plaintif dan juga menyiar secara langsung majlis itu melalui Radio Televisyen Malaysia. Plaintif memohon ganti rugi sebanyak RM20,000,000 daripada defendan pertama, RM40,000,000 daripada defendan kedua dan ketiga, ganti rugi teladan dan ganti rugi melampau, perintah supaya ketiga-tiga defendan meminta maaf dan ini disiarkan secara langsung melalui RTM di Berita Perdana dan dalam akhbar utama selama tiga hari berturut-turut dari tarikh perintah dibuat dan perintah melarang ketiga-tiga defendan daripada menerbit atau mengeluarkan perkataan-perkataan fitnah yang sama pada masa hadapan.

KETIDAKHADIRAN DEFENDAN PERTAMA SEPANJANG PERBICARAAN

[3] Perlu dijelaskan terdahulu di sini bahawa defendan pertama tidak diwakili oleh peguam sepanjang perbicaraan dari awal hingga akhir. Defendan pertama juga tidak pernah hadir semasa perbicaraan dijalankan walaupun peguam cara plaintif telah memaklumkan beliau berkenaan tarikh-tarikh perbicaraan.

BEBAN BUKTI PLAINTIF DALAM KES FITNAH

Dalam kes *Ayob bin Saud v TS Sambanthamurthi* [1989] 1 MLJ 315; [1989] 1 CLJ (Rep) 321, hakim Mohamed Dzaiddin (beliau pada masa itu) berkata:

> In our law on libel, which is governed by the Defamation Act 1957, the burden of proof lies on the plaintiff to show (1) the words are defamatory; (2) the words refer to the plaintiff; and (3) the words were published. Where a defence of qualified privilege is set up, as in the present case, the burden lies on the defendant to prove that he made the statement honestly, and without any indirect or improper motive. Then, if he succeeds in establishing qualified privilege, the burden is shifted to the plaintiff in this case to show actual or express malice which upon proof thereof, communication made under qualified privilege could no longer be regarded as privileged (*Rajagopal v Rajam* [1972] 1 MLJ 45).

[4] Keputusan kes ini diikuti oleh hakim Ramly Ali dalam kes *Kian Lup Construction v Hongkong Bank Malaysia Bhd* [2002] 7 MLJ 283; [2002] 7 CLJ 32 dan oleh hakim Low Hop Bing dalam kes *Ismail bin Shamsudin v Abdul Aziz bin Abdan and other suits* [2007] 3 MLJ 512; [2007] 8 CLJ 65.

A **[5]** Untuk menuntut pampasan bagi kes fitnah ini, beban bukti adalah pada plaintif untuk membuktikan elemen-elemen berikut:

(a) kata-kata yang dituturkan oleh defendan pertama adalah berbentuk fitnah;

B (b) kata-kata merujuk kepada plaintif; dan

(c) kata-kata tersebut telah disampaikan kepada pihak ketiga.

C **[6]** Soal pertama ialah sama ada kata-kata yang terkandung dalam eksh P27 iaitu ucapan YBM Tengku Putra bin Tengku Awang (defendan pertama) merujuk kepada plaintif? Jawapannya ialah 'ya'. Sememangnya perkataan-perkataan itu merujuk kepada plaintif sebab nama plaintif disebut oleh defendan pertama sebagai Dato' Hasan Ali, Naib Presiden PAS.

D **[7]** Soal kedua ialah adakah kata-kata yang dituturkan oleh defendan pertama berbentuk fitnah. Seperti yang telah dinyatakan terlebih dahulu, defendan pertama tidak diwakili oleh peguam dan beliau sendiri tidak hadir mahkamah semasa perbicaraan walaupun telah diberitahu oleh peguam E plaintif melalui surat. Namun, peguam cara defendan kedua dan ketiga telah berhujah bahawa perkataan 'diberi' dalam ucapan defendan pertama membawa pelbagai maksud seperti terdapat dalam kamus, umpamanya 'menyampai sesuatu kepada seseorang untuk disimpan, digunakan atau untuk sesuatu keperluan, tidak menghalang seseorang melakukan sesuatu, F membenarkan, mengizinkan, mengakibatkan, menyebabkan, menjadikan...'. Saya berpendapat jika dibaca secara keseluruhan perenggan itu ia membawa maksud yang plaintif diberi Taman Pertanian Negeri, Sekayu secara tidak jujur dan oleh itu boleh membawa makna negatif terhadap plaintif dan boleh memalukan dan mengaibkan beliau.

G **[8]** Soal ketiga ialah adakah kata-kata tersebut telah disampaikan kepada pihak ketiga. Memang tidak dinafikan oleh defendan yang perkataan yang dikatakan fitnah itu diucap semasa siaran langsung majlis oleh defendan kedua. Oleh itu, jawapannya adalah 'ya', sememangnya kata-kata tersebut H telah disampaikan kepada pihak ketiga iaitu kepada hadirin yang hadir di majlis itu dan juga penonton-penonton yang menonton siaran langsung majlis tersebut melalui RTM.

I **[9]** Oleh itu saya berpendapat terdapat kata-kata fitnah yang dikatakan oleh defendan pertama terhadap plaintif yang membuat plaintif menanggung rasa malu dan aib.

SAMA ADA DEFENDAN KEDUA DAN KETIGA BOLEH BERGANTUNG KEPADA PEMBELAAN PERLINDUNGAN BERSYARAT

[10] Defendan kedua dan ketiga telah memplidkan pembelaan perlindungan bersyarat kerana siaran langsung majlis tersebut dibuat atas dasar kepentingan awam.

Dalam kes *Henry Ong Keng Sem v Patrick Ong King Kok* [2008] 7 MLJ 569; [2008] 4 CLJ 276, hakim Kang Hwee Gee (beliau pada masa itu) menyatakan:

> The law on qualified privilege is set out in *Clerk & Lindsell on Torts*, (8th Ed) Sweet & Maxwell 2000 at pp 1166–1168 as follows:
>
> *Qualified privilege*
>
> The definition of 'qualified privilege' may be gathered from the words of a well-known judgment:
>
> > In general an action lies for the malicious publication of statements which are false in fact and injurious to the character of another (within the well-known limits as to verbal slander), and the law considers such publication as malicious unless it is fairly made by a person in the discharge of some public or private duty, whether legal or moral, or in the conduct of his own affairs, in matters where his interest is concerned. In such cases the occasion prevents the inference of malice which the law draws from unauthorised communications, and affords a qualified defence depending upon the absence of actual malice. If fairly warranted by any reasonable occasion or exigency and honestly made, such communications are protected for the common convenience and welfare of society, and the law has not restricted the right to make them within any narrow limits, per curiam. *Toogood v Spyring* [1834] 1 CM & R 181 at p 193; see per Lindley LJ in *Stuart v Bell* [1891] 2 QB 341 at p 345; *Adam v Ward* [1017] AC 309.
>
> A more recent definition, possibly to be preferred as it refers to a duty or interest to make the communication rather than to an interest in its subject-matter, per Greene MR in *De Buse v MaCarthy* [1942] 1 KB 156, cf *Harrison v Bush* (1855) 5 E & B 344 at p 348, per Lord Campbell CJ; *While v Stone (Lighting and Radio) Ltd* [1939] 2 KB 827 ('the person to whom it is made', in Lord Atkinson's statement, refers to the third party other than the plaintiff to whom the alleged defamatory statement is published); *Phelps v Kemsley* (1942) 168 LT 18 at p 20, per Goddard LJ is to be found in the speech of Lord Atkinson in *Adam v Ward* [1917] AC 309 at p 334:
>
> > A privileged occasion is, in reference to qualified privilege, an occasion where the person who makes the communication has an interest or a duty, legal, social or moral, to make it to the person to whom it is made, and the person to whom it is so made has a corresponding interest or duty to receive it. This reciprocity is essential.

A *Elements of qualified privilege*

There are three elements necessary to establish the defence of qualified privilege:

(a) the occasion must be fit

(b) the matter must have reference to the occasion, and

B

(c) it must be published for right and honest motives. See *Horrocks v Lowe* [1975] AC 135, HL (burden of proof on the plaintiff that publication was not 'from right and honest motives'). Also *Reynolds v Times Newspapers* [1999] WLR 1010.

C *Unreasonable use of privileged occasion*

Once it is ruled that the occasion is privileged and that the matter complained of has reference to the occasion, the only remaining question for consideration is whether the occasion was used without malice. *Adam v Ward*, above: *Angel v HH Bushell & Co Ltd* [1968] 1 QB 813. In *Clark v Molyneux* (1877) 3 QBD 237 it was held that statements made on a privileged occasion will be protected, provided it does not appear that the defendant acted from any indirect motive. The actual decision was not on the question of privilege, but on the question of malice, and the burden of proving this was held to lie on the plaintiff per Lindley LJ in *Stuart v Bell* [1891] 2 QB 341 at p 351, cf *Darby v Ousely* (1856) 1 H & N 1:

D

E

> I apprehend the moment the judge rules that the occasion is privileged, the burden of showing that the defendant did not act in respect of the reason of the privilege, but for some other and indirect reason, is thrown on the plaintiff. *Clark v Molyneux* (1877) 3 QBD 237 at p 247, per Brett LJ.

F

[11] Seperti yang disebut oleh Lord Atkinson dalam kes *Adam v Ward* [1917] AC 309, terdapat tiga elemen yang perlu dibukti oleh defendan kedua dan ketiga bagi tujuan pembelaan perlindungan bersyarat:

G

(a) 'The occasion must be fit' — Saksi tunggal defendan kedua dan ketiga telah memberi keterangan bahawa defendan kedua membuat liputan siaran langsung segmen pelancaran majlis tersebut kerana ianya dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri (rujuk kepada soalan dan jawapan No 10 eksh D51 dan soalan dan jawapan pemeriksaan semula). Saya berpendapat ini adalah sesuatu acara yang menepati 'the occasion is fit'.

H

(b) 'The matter must have reference to the occasion' — Mengikut SD1, sepanjang pengetahuan beliau, defendan pertama ditugaskan untuk menyampaikan ucapan aluan untuk menyambut kedatangan Timbalan Perdana Menteri. Defendan kedua bertanggungjawab menyiarkan perkara-perkara yang ada nilai berita dan informasi kepada rakyat.

I

(c) 'It must be published for right and honest motives' — Defendan kedua adalah satu saluran media nasional yang dipertanggungjawab untuk menyampaikan perkara-perkara yang mempunyai nilai berita kepada rakyat dan rakyat mempunyai kepentingan untuk mengetahui berita itu. Lagipun defendan kedua hanya bertugas sebagai penyiar segmen pelancaran majlis tersebut dan tidak bertanggungjawab atau mempunyai kawalan ke atas aturcara mahupun perjalanan majlis tersebut (rujuk soalan dan jawapan No 10 dan 12 eksh D51 dan soalan dan jawapan 2–4 pemeriksaan semula). Tetapi yang paling penting ialah ini adalah satu siaran langsung di mana pihak defendan kedua tidak mengetahui terlebih dahulu teks ucapan dan ungkapan yang dikatakan fitnah itu. Sebenarnya SD1 sendiri tidak sedar apa yang dikatakan itu fitnah. Juga tiada masa bagi defendan kedua untuk menyunting atau pun 'edit' ucapan defendan pertama sekiranya SD1 mengetahui yang perkataan itu fitnah. Dalam lain perkataan tiada unsur niat jahat (malice) oleh defendan kedua dan ketiga terhadap plaintif.

[12] Atas alasan-alasan di atas, mahkamah mendapati yang defendan kedua dan ketiga berjaya dalam pembelaan perlindungan bersyarat (qualified privilege).

GANTI RUGI

[13] Plaintif telah memohon ganti rugi seperti dalam pernyataan tuntutan terpinda iaitu:

(a) ganti rugi sebanyak RM20,000,000 (Ringgit Malaysia dua puluh juta) dibayar oleh defendan pertama kepada plaintif;

(b) ganti rugi sebanyak RM40,000,000 (Ringgit Malaysia empat puluh juta) dibayar oleh defendan kedua dan defendan ketiga kepada plaintif;

(c) ganti rugi teladan (exemplary damages);

(d) ganti rugi melampau (aggravated damages);

(e) perintah mengarahkan defendan pertama, defendan kedua dan defendan ketiga untuk meminta maaf daripada plaintif dan menarik balik tuduhan fitnah ke atas plaintif dan ucapan minta maaf dan penarikan balik tuduhan fitnah tersebut hendaklah disiarkan secara langsung melalui RTM, di Berita Perdana dan di akhbar utama selama tiga hari berturut-turut dari tarikh perintah ke atas writ saman ini;

(f) perintah melarang defendan pertama, defendan kedua dan defendan ketiga daripada menerbitkan atau mengeluarkan perkataan-perkataan

fitnah yang sama seperti yang dinyatakan di perenggan 6 dan perenggan 8 pernyataan tuntutan di atas pada masa hadapan; dan

(g) kos.

[14] Plaintif telah memberi keterangan menyatakan yang setelah berkhidmat dalam kerajaan dalam pelbagai jawatan, beliau letak jawatan dalam tahun 1990 dan menjadi jurulatih konsultan, motivator dan buat masa ini Ahli Dewan Undangan Negeri Daerah Gombak Setia dan seorang ahli EXCO Kerajaan Negeri Selangor. Beliau juga telah mempunyai perniagaan melalui SABHA Group yang antara lain menerbit buku dan kaset. Semasa perkataan fitnah dikeluarkan oleh defendan pertama terhadap beliau, plaintif adalah antara lain seorang Naib Presiden PAS.

[15] Saya berpendapat ganti rugi yang dituntut oleh plaintif adalah keterlaluan, mengikut prinsip-prinsip dalam kes-kes yang telah diputuskan iaitu *Chin Choon @ Chin Tee Fut v Chua Jui Meng* [2005] 3 MLJ 494; *Karpal Singh a/l Ram Singh v DP Vijandran* [2001] 4 MLJ 161; *Dato' Musa Hitam v SH Alattas & Ors* [1991] 1 CLJ 314 dan lain-lain.

[16] Dalam kes *Chin Choon @ Chin Tee Fut v Chua Jui Meng*, hakim Mahkamah Rayuan Gopal Sri Ram (beliau pada masa itu) menyatakan:

> In our judgment, we should, in defamation cases, maintain the age old practice of making a global award in order to limit the size of awards. Otherwise we will have runaway damages once again.

Dalam kes *Liew Yew Tiam & Ors v Cheah Cheng Hoc & Ors* [2001] 2 CLJ 385 sekali lagi Gopal Sri Ram, hakim Mahkamah Rayuan (beliau pada masa itu) menyentuh berkenaan award yang patut diberi dalam kes fitnah dan berkata:

> In the process of making our assessment we have not overlooked the recent trend in this country of claims and awards in defamation cases running into several million ringgit. No doubt that trend was set by the decision of this court in *MGG Pillai v Tan Sri Dato Vincent Tan Chee Yioun*. It is a decision that has been much misunderstood. The underlying philosophy of that decision is that injury to reputation is as, if not more, important to a member of our society than the loss of a limb. But we think the time has come when we should check the trend set by the case. This is to ensure that an action for defamation is not used as an engine of oppression. Otherwise, the constitutional guarantee of freedom of expression will be rendered illusory.

[17] Saya juga dapati plaintif tidak memberi apa-apa keterangan berkenaan dengan ganti rugi yang dipohon. Juga beliau sendiri menyatakan yang beliau sekarang adalah seorang Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Gombak Setia dan seorang EXCO bagi kerajaan negeri. Saya berpendapat walaupun

kata-kata fitnah itu dibuat, ianya tidak menjejaskan imej plaintif. Sebaliknya, plaintif sekarang berkeadaan lebih baik dari dahulu.

[18] Lagi pun perkataan fitnah itu dikatakan hanya sekali sahaja oleh defendan pertama dan juga disiarkan secara langsung hanya sekali oleh defendan kedua. Tiada bukti yang mengatakan ada siaran ulangan atau ulang tayang majlis itu. Dalam kes *Karpal Singh a/l Ram Singh v DP Vijandran* [2001] 4 MLJ 161 Abdul Hamid Mohamad hakim Mahkamah Rayuan (beliau pada masa itu) mengulas berkenaan kes *Dr Jenni Ibrahim v S Pakianathan* [1986] 2 MLJ 154 dan berkata:

> In *Dr Jenni Ibrahim v S Pakianathan* [1986] 2 MLJ 154, the plaintiff, a psychologist who had been doing voluntary work at *Pusat Pertolongan* sued the defendant for sending copies of letters containing serious allegation of criminal breach of trust to various people. Ajaib Singh J (as he then was) awarded her RM30,000 in damages. On appeal, the Supreme Court reduced the award to RM15,000 as 'there was libel on one occasion only'.

[19] Berpandukan trend kes-kes itu, saya mengawardkan kepada plaintif ganti rugi sebanyak RM50,000 dibayar oleh defendan pertama dengan faedah sebanyak 8% setahun dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh dan kos yang akan ditaksirkan oleh penolong kanan pendaftar.

[20] Mahkamah menolak permohonan di perenggan 14(c), (d) dan (e).

[21] Mahkamah membenarkan permohonan di perenggan 14(f) tetapi hanya terhadap defendan pertama sahaja.

[22] Oleh kerana mahkamah mendapati yang defendan kedua dan ketiga tidak bertanggung (liable) maka mahkamah memerintah supaya kos atas dasar peguam cara dan anak guam di bawah s 2(b) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 (Public Authorities Protection Act 1948) dan ditaksirkan oleh penolong kanan pendaftar — dibayar oleh plaintif kepada defendan kedua dan ketiga.

Permohonan dibenarkan dan sebahagian permohonan untuk ganti rugi dibenarkan.

Reported by Kanesh Sundrum